

'Sudah tiba masa kunci air dibaiki'

Sabak Bernam: Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor memohon kerajaan menyalurkan peruntukan bagi kerja membaik pulih atau menggantikan beberapa pintu air utama di kawasan Sungai Air Tawar di sini, sekali gus mengelak berlaku banjir.

Pengerusinya Tan Sri Noh Omar berkata, kebanyakan pintu air di kawasan itu sudah uzur kerana ia dibina sejak puluhan tahun lalu.

"Sudah tiba masa kunci air berkenaan dibaiki atau digantikan dengan yang ba-

ru bagi mengatasi masalah banjir.

"Saya sudah meminta JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) membuat surat dan mentaksirkan jumlah kos yang diperlukan untuk tujuan itu," katanya pada sidang media selepas melawat tiga pusat pemindahan banjir di daerah ini, semalam.

Beliau yang juga Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan turut menyertai kerja pembersihan di rumah penduduk di Parit Baru dan meninjau Pintu Air Beting

Kepah, Kampung Sungai Apong di sini.

Sehingga petang semalam, hanya 13 mangsa banjir daripada empat keluarga masih ditempatkan di Dewan Seri Bernam, Sungai Besar, manakala lebih 100 penduduk sudah pulang ke rumah.

Menurut Noh, sehingga kini, ada 46 kunci air di seluruh Sabak Bernam.

"Bagi kawasan Sungai Air Tawar, ia memiliki 14 kunci air seperti di Beting Kepah, Bagan Nakhoda Omar, Parit Baru dan Sungai Lang," katanya.



NOH menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di Pusat Pemindahan Banjir Dewan Seri Nakhoda, Bagan Nakhoda Omar, semalam.